Kenyataan yang mengeliru

Oleh HASHIM MAKARUDDIN

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

■ 'TIDAK betul memasukkan tanah dimiliki agensi kerajaan seperti Felda dan Felcra'.

KENYATAAN oleh para pemimpin MCA bahawa Bumiputera sudahpun mencapai 30 peratus matlamat dalam Dasar Ekonomi Baru dan mereka menguasai beberapa sektor dalam ekonomi adalah merbahaya dan mengelirukan, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Shahrir Abdul Samad memberi amaran kelmarin.

Beliau berkata ia merbahaya kerana kenyataan seumpama itu adalah tidak betul dan mengelirukan kerana mewujudkan gambaran kepada bukan Melayu bahawa Kerajaan mengencepikan matlamat DEB.

Timbalan Menteri itu menasihatkan para pemimpin MCA jangan mengeluarkan kenyataan seumpama itu kerana ia memberi gambaran seolah-olah Bumiputera golongan "tamak" dan menuntut lebih dari apa yang wajar.

Datuk Shahrir mengulas satu kenyataan oleh seorang pemimpin MCA Perak yang mendakwa Bumiputera sudah pun mencapai matlamat 30 peratus di bawah DEB dan mereka menguasai perlombongan, perladangan dan perusahaan bank.

Ketua Perhubungan MCA Wilayah Persekutuan, Encik Tan Koon Swan yang juga Pengarah Urusan (operasi) Multi-purpose Holdings Berhad, juga dilaporkan telah melahirkan pendapat yang sama dalam kertas kerjanya yang dibentangkan di satu seminar di Singapura baru-baru ini.

Beliau juga dikatakan menyebut bahawa Bumiputera hampir menguasai ekonomi Malaysia.

■ Datuk Shahrir juga menyelar kenyataan pemimpin MCA Perak itu, syarikat2 Cina telah menjadi matlamat pembelian oleh Bumiputera bila DEB dilancarkan dalam tahun 1970. Sambil mensifatkan ini sebagai fitnah beliau menegaskan kerajaan tidak pernah bercadang membeli syarikat2 Cina ■

Datuk Shahrir mensifatkan kenyataan seumpama itu sebagai satu "cara hatus" untuk mengecam DEB Kerajaan.

Timbalan Menteri itu memberitahu Bernama bahawa kenyataan yang agensi-agensi kerajaan telah dengan jayanya menambah penyertaan Bumiputera dalam perlombongan, perladangan dan perusahaan bank tidak menunjukkan Bumiputera menguasai hampir seluruh ekonomi.

"Penguasaan hendaklah jangan dipandang semata-mata dalam konteks pemilikan ekuiti, tetapi juga mesti dilihat dari sudut penyertaan di semua peringkat kegiatan ekonomi dan juga faedah yang didapati darinya," tambah beliau.

"Untuk mengutarakan bahawa dengan menguasai bank-bank, Bumiputera telah hampir menguasai pasaran modal seperti yang di sebut oleh pemimpin MCA Perak itu adalah lebih merbahaya dan suatu yang mustahil."

Mengadu

Jika ini betul, beliau bertanya bagaimanakah pula yang Bumiputera mengadu mereka tidak dapat bantuan kewangan.

Datuk Shahrir juga mengulas kenyataan pemimpin MCA Perak itu bahawa syarikat-syarikat Cina telah menjadi matlamat pembelian oleh Bumiputera bila DEB dilancarkan dalam tahun 1970.

Sambil mensifatkan ini sebagai fitnah, beliau menegaskan bahawa Kerajaan tidak pernah bercadang membeli syarikat-syarikat Cina.

Sejak dari awal-awal lagi, DEB ditumpukan terhadap pembelian sektor-sektor ekonomi yang dikuasai oleh orang asing seperti dalam perladangan dan perlombongan.

Beliau berkata jika pemimpin-pemimpin UMNO mahu mengambil kesempatan dari isu-isu DEB, mereka sudah pun boleh berbuat demikian.

Mereka boleh mengeksploitasikan laporan Kedutaan Amerika Syarikat yang disiarkan oleh akhbar tempatan, menyebut bahawa pemilikan ekuiti bukan Bumiputera dalam syarikat-syarikat awam berhad adalah lebih 43 peratus dalam tahun 1978, yang melebihi matlamat di bawah DEB, tetapi pemimpin UMNO tidak berbuat demikian.

■ DATUK SHAHRIR SAMAD ... beri amaran.

Kelirukan

Jika pemimpin-pemimpin MCA cuba menakut-nakutkan bukan Melayu dengan memberi kenyataan yang mengelirukan, seluruh asas sokongan mereka terhadap DEB adalah diragukan.

Mengenai dakwaan bahawa penguasaan Bumiputera dalam sektor perusahaan bank dengan pemilikan modal 77.4 peratus, Datuk Shahrir berkata perkiraan itu tidak termasuk bank-bank asing yang bergiat dalam negeri yang sudah seharusnya juga diperhitungkan.

■ Jika pemimpin-pemimpin MCA menakut-nakutkan bukan Melayu dengan memberi kenyataan yang mengelirukan, seluruh asas sokongan mereka terhadap DEB adalah diragukan. Mengenai dakwaan penguasaan Bumiputera dalam sektor perusahaan bank dengan pemilikan modal 77.4 peratus, Datuk Shahrir berkata perkiraan itu tidak termasuk bank-bank asing yang bergiat dalam negeri yang sudah seharusnya juga diperhitungkan ■

Sebagai contoh dalam pemilikan tanah, adalah tidak betul untuk memasukkan juga yang dimiliki oleh agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA dan FELCRA.

"Mungkin dari segi jumlah ekar, Bumiputera telah menguasai tetapi mengikut nilainya, tanah-tanah Bumiputera pada kebiasaannya sering terletak jauh dari pusat pertumbuhan dengan demikian nilainya jauh lebih rendah", kata Timbalan Menteri itu.

"Sekeping tanah yang dimiliki oleh bukan Bumiputera mungkin bernilai 10 kali lebih dari sebidang tanah di Rancangan FELDA," Datuk Shahrir memberi angka-angka yang menunjukkan bahawa Bumiputera masih lagi ketinggalan di belakang rakan-rakan bukan Bumiputera dalam sektor pembuatan.

Beliau berkata dari projek-projek pembuatan yang diluluskan oleh MIDA antara tahun 1971 hingga 1980 sebanyak 33.8 peratus ekuiti adalah dipegang oleh orang asing dan 30 peratus bukan Bumiputera.

Jumlah sebenar penyertaan Bumiputera hanyalah 17 peratus meskipun ekuiti yang dikhaskan 29.5 peratus.

Beliau berkata terdapat juga salah faham di kalangan pihak tertentu mengenai 30 peratus penyertaan Bumiputera dalam konteks 30:30:40 peratus seperti matlamat di bawah DEB.

Ada anggapan bahawa 30 peratus penyertaan Bumiputera itu adalah yang maksima.

Ini adalah silap kerana dalam kes syarikat usahasama di mana tidak terdapat langsung unsur penyertaan asing, penyertaan Bumiputera mungkin boleh melebihi 30 peratus.

Beliau mengalukan kenyataan Encik Tan Koon Swan bahawa Bumiputera dan bukan Bumiputera hendaklah bersama membesarkan kekayaan ekonomi negara.

Bagaimanapun Datuk Shahrir berkata jika bukan Bumiputera jujur mahu bekerjasama dengan Bumiputera maka asas kerjasama itu hendaklah jangan dihadkan kepada penyertaan 30 peratus semata mata.

"Apa salahnya jika dasar usahasama itu mengikut 50-50, terutama bila tidak ada langsung penyertaan dari pihak asing dalam usahasama tersebut?" beliau menyoal.

Dalam kes di mana terdapat penyertaan asing, bolehlah diterima untuk menawarkan hanya 30 peratus penyertaan Bumiputera dalam projek tersebut, tambahnya. — Bernama.